

Pembentukan dan Pengamalan Set Nilai Diri dalam Kalangan Graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam Malaysia

Hamdan Bin Said, Noor Diana Binti Ramli,*

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding author: deeph28@yahoo.com.my

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan tentang kajian kualitatif fasa pertama berbentuk eksplorasi untuk mengenalpasti set nilai diri melalui kaedah temuramah dan soal selidik. Soal selidik kajian menggunakan *standardized open-ended question* (Creswell, 2005) dan diikuti oleh *standardized open-ended interview* (Patton, 2007) melibatkan graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Data yang diperolehi dikodkan dan disusun mengikut tema. Tema yang diperolehi daripada data kualitatif digunakan untuk membentuk instrumen supaya objektif kajian ini dapat dicapai iaitu mengenalpasti set nilai diri graduan IPTA di Malaysia mengikut aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Nilai diri ini sangat penting terutamanya kepada golongan graduan apabila menceburkan diri dalam bidang pekerjaan.

Kata kunci: set nilai, institusi pengajian tinggi awam, pembentukan, pengamalan, kognitif, afektif dan psikomotor

PENGENALAN

Kehidupan seharian pelajar sebagai warga kampus di IPTA memberikan mereka peluang yang tinggi untuk terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum. Aktiviti ko-kurikulum merupakan salah satu aktiviti utama kedua selepas aktiviti akademik yang dilakukan oleh pelajar dalam ekosistem IPTA. Aktiviti ko-kurikulum ini mampu menjadi rutin dan saluran untuk pelajar berinteraksi sesama sendiri dan masyarakat setempat. Oleh itu aktiviti ko-kurikulum merupakan salah satu saluran yang penting dalam pembangunan kemahiran insaniah di IPTA.

Sumber perangkaan bilangan persatuan yang mendaftar dalam Universiti Teknologi Malaysia menunjukkan sebanyak 63 buah persatuan dan kelab berdaftar di bawah Pejabat Hal Ehwal dan Mahasiswa. Namun nisbah bilangan ahli dengan bilangan pelajar dalam universiti berkenaan menunjukkan penglibatan aktiviti ko-kurikulum bukan merupakan aktiviti utama selepas akademik dalam universiti ini (lampiran). Adakah senario yang sama berlaku di sembilan belas (19) IPTA yang lain? Adakah tahap penglibatan yang rendah dalam aktiviti ko-kurikulum menyebabkan graduan universiti kurang kemampuan untuk mengaplikasikan kemahiran insaniah dalam kelompok masyarakat? Adakah kurang penglibatan ini juga menyebabkan graduan universiti tidak mampu untuk mewujudkan golongan lapisan masyarakat yang berjiwa nasional? Adakah para graduan ini juga tidak mampu untuk bersaing bagi menjaga kemahiran insaniah dalam persaingan peluang pekerjaan?

Sumber perangkaan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia menunjukkan sebanyak 206 persatuan dan kelab kebudayaan mendaftar dibawah jabatan tersebut. Statistik daripada Pejabat Pesuruhjaya Sukan juga menunjukkan statistik persatuan, kelab dan pertubuhan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 ialah sebanyak 5221 buah. Ketiga-tiga perangkaan ini menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum memainkan peranan yang sangat signifikan dalam interaksi sosial masyarakat kini. Bilangan persatuan dan kelab yang banyak ini juga menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum memainkan peranan yang penting dalam proses interaksi sosial dalam masyarakat.

Nilai diri

Nilai merupakan entiti yang merangkumi asas nilai (*core values*) yang menentukan tingkah laku individu (*values attribute*). Terdapat perbezaan antara definisi nilai tambah (*value added*) dan definisi nilai (*value*). Nilai tambah (*value added*) ialah kemajuan perkembangan pencapaian pelajar yang berpunca daripada kualiti pengajaran sesebuah institusi (Rodgers, 2005). "*Value added is attempting to identify the progress in a student's performance that can be attributed to the quality of an institution's teaching*" (Jabnoun 2001).

Kajian oleh Rahimah (1998) mengenalpasti terdapat 16 asas nilai (*core values*). 16 asas nilai tersebut ialah kebersihan badan dan minda; ehsan dan toleransi; bekerjasama; keberanian; bersederhana; kegigihan; kebebasan; bersyukur; kejujuran; kerendahan hati; adil; rasional; bergantung kepada diri sendiri; kasih sayang; hormat; dan gotong royong. Asas nilai (*core values*) ini merupakan nilai yang diaplikasikan dalam konteks pendidikan dan diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi kajian oleh Roe dan Ester (1999) asas nilai (*core values*) ini dikenali sebagai nilai umum (*general values*) yang dipengaruhi oleh entiti atau pemegang nilai (*value*

holder) iaitu pelajar. Jennings *et al.* (1996) dan Roe & Ester (1999) mendapati bahawa nilai memainkan peranan dalam menghasilkan tingkahlaku yang positif. Para pelajar akan menghasilkan tingkahlaku berasaskan nilai yang dipelajari. Tingkahlaku yang terhasil merupakan atribut nilai (*values attribute*). Atribut nilai ini bersifat positif jika asas nilai (*core values*) adalah positif dan bersifat negatif jika asas nilai (*core values*) adalah negatif. Dapatan kajian Roe & Ester (1999) mendapati bahawa nilai sentiasa bersifat positif namun berbeza dengan tingkahlaku yang boleh bersifat positif atau negatif. Kajiannya memegang asumsi bahawa dengan berpegang kepada asas nilai (*core values*) yang positif akan menghasilkan tingkahlaku yang positif. Penetapan asas nilai (*core values*) dijadikan sebagai garis panduan untuk menentukan samada suatu tindakan itu bersifat positif atau negatif akan terhasil.

Kemahiran Insaniah (KI)

Kemahiran insaniah (KI) adalah kemahiran generik yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar dalam IPTA di Malaysia. Generik bermaksud ciri-ciri khusus yang dimiliki oleh sesuatu golongan. Kemahiran generik juga dikenali sebagai *transferable skills* (Gilbert *et al.*, 2004). menerangkan kemahiran generik digunakan dalam pelbagai jenis pekerjaan. Dalam bidang pekerjaan kemahiran generik merangkumi *key competencies* atau *key skills* merangkumi kognitif, personal dan kemahiran interpersonal (Kearns, 2001 & Williams, 2005).

Kajian oleh Ahmad Esa mendapati bahawa kemahiran generik dapat diterapkan melalui aktiviti ko-kurikulum dan dapat diukur. Dapatan kajian Tait & Godfrey (1999) menunjukkan bahawa kemahiran generik ini dapat diukur melalui pelajar menggunakan modul. Proses penilaian menggunakan modul ini dapat memberikan *feedback* yang membina kepada pelajar yang terlibat berkenaan kelemahan diri pelajar dalam pengaplikasian kemahiran generik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penekanan kepada penerapan kemahiran generik yang telah distruktur dengan baik dalam proses pembelajaran di universiti penting untuk memastikan kemahiran generik dapat diterapkan kepada pelajar. Pelajar akan dapat mengaplikasikan kemahiran generik ini semasa berada dalam universiti dan dalam alam pekerjaan (Crebert *et al.*, 2004).

Pengamalan nilai diri

Pengamalan nilai diri bermaksud pelajar mengaplikasikan atau menggambarkan nilai diri dalam tingkahlaku mereka. Ada ketikanya konteks atau persekitaran memainkan peranan dalam menentukan tingkahlaku yang dihasilkan berbanding dengan nilai diri pelajar tersebut.

Dapatan kajian Roe & Ester (1999) menunjukkan bahawa nilai berbanding tingkahlaku adalah lebih stabil (Roe & Ester, 1999). Ada ketikanya pelajar akan bertindak demi kepentingan persekitaran berbanding nilai diri. Dalam konteks kerja, nilai dianggap sebagai memotivasi dan menyumbang kepada hasil kerja yang positif.

Kesesuaian nilai sepatutnya mengurangkan konflik dan meningkatkan kerjasama semasa bekerja. Terdapat beberapa aspek yang dibangkitkan dengan pengamalan nilai iaitu pengaruh nilai dalam merubah tingkahlaku (*prediction*), pengubahsuaian nilai (*modification*), perubahan semulajadi nilai (*natural change*) dalam konteks sosial tertentu. Kajian oleh Eccles dan Wigfield (2002) juga mencadangkan tiga aspek utama yang perlu dikaji berkaitan pengamalan nilai iaitu integrasi teori nilai (*theoretical integration*), pemerhatian yang sistematik (*systematic attention*) bagi aspek afektif dalam penggarapan nilai dan peranan konteks (*the role of contexts*) dalam kajian berkaitan motivasi. Dalam konteks universiti ekosistem universiti merupakan ruang konteks pengamalan nilai. Tambahnya lagi "It is difficult if not impossible to understand student's motivation without understanding the contexts they are experiencing. The complex interactions of context and the individual need further explication." (Eccles dan Wigfield, 2002) Kajian oleh Jennings *et al.* (1996) menekankan tentang dua model penerapan nilai dalam ekosistem universiti iaitu nilai merentas kurikulum dan pendidikan sivik.

Pendekatan model nilai merentas kurikulum mengandaikan bahawa pendidikan berasaskan nilai merupakan tanggungjawab program pendidikan institusi secara keseluruhan bukan tanggungjawab jabatan tertentu sahaja seperti jabatan falsafah atau pendidikan agama, disiplin tradisional ini merupakan pusat kepada kajian formal berkaitan etika. Pendekatan ini menekankan tentang pluralism dan kemahiran untuk mengkritik berbanding ijmak dan komitmen. Model yang kedua merupakan pendidikan sivik berkonsepkan tabiat minda dan hati yang diperlukan untuk pendekatan demokratik, satu rasa keahlian dan ruangan umum. Nilai sivik adalah untuk dipraktikkan dan memfokus kepada aktiviti ekstrakurikulum sebagai komponen penting. Pendekatan ini dipengaruhi oleh kesignifikan kontek sosial dan budaya. Pendidikan sivik dibebani antara keperluan untuk kebersamaan budaya untuk menyatukan masyarakat dan pada waktu yang sama sensitif kepada keperluan untuk menghormati malah untuk meraikan pluralism serta kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Model oleh Jennings *et al.* 1996 menekankan terdapat tiga komponen dalam program pendidikan penerapan nilai (Jennings *et al.* 1996) iaitu pembentukan kemahiran-kemahiran analitik, pengenalan kepada teori etika dan pembentukan penaaakulan moral.

Diskusi yang panjang lebar tentang pelaksanaan ketiga-tiga komponen ini menghasilkan dua komponen yang perlu diambilkira apabila melaksanakan program pendidikan penerapan nilai iaitu nilai asas (*core values*) yang terhad dan pemupukan karektor. Asas nilai (*core values*) yang terhad merujuk kepada penetapan asas nilai kepada nilai-nilai asas para pelajar. Penetapan asas nilai (*core values*) dijadikan sebagai garis panduan untuk menentukan

samada suatu tindakan itu bersifat positif atau negatif. Persoalan yang timbul berkaitan dengan asas nilai (core values) ialah kepentingan wujudnya asas nilai (core values) untuk dijadikan rujukan kepada nilai-nilai asas dan penetapan nilai-nilai asas yang perlu diterapkan di kalangan pelajar di institusi pendidikan tinggi. Para pelajar perlu dididik untuk membuat perbandingan tingkah laku yang menimbulkan kontroversi nilai dan nilai-nilai asas supaya pelajar akan berfikir secara analitik dalam menganalisis keadaan.

Pemupukan karektor merujuk kepada pemupukan rasa tanggungjawab dan menceraip ke dalam tindakan lalu menjadi tabiat pelajar. Kesan daripada pemupukan karektor ini dilihat memberi kesan kepada kehidupan dalam persekitaran kolej iaitu penerapan nilai dalam konteks kolej, nilai dalam akademik (*academic values*) dan pemupukan yang diberikan kepada pelajar mampu untuk menjadikan mereka sebahagian daripada masyarakat demokratik (*life of the broader society*) iaitu mewujudkan individu yang mempunyai tanggungjawab sivik, pegangan kepada nilai-nilai asas sosial (*basic social values*) sebagai pegangan. Roe dan Ester (1999) menamakan asas nilai (*core values*) ini sebagai nilai umum (*general values*) yang dipengaruhi oleh entiti atau pemegang nilai (*value holder*). Dapatan kajian Roes & Ester (1999) mendapati struktur nilai (*value structure*) merangkumi asas nilai (*core values*) yang dijadikan sebagai atribut kepada tingkahlaku (*value attribute*). Asas nilai (*core values*) dikategorikan kepada dimensi. Dimensi ini yang membentuk struktur nilai (*value structure*). Terdapat tiga komponen dalam struktur nilai (*structure of values*) iaitu pemegang nilai (*value holder*), atribut nilai (*value attribute*) dan teknik pengukuran nilai (*measurement technique*). Profil nilai (*value profile*) merangkumi entiti asas nilai dalam beberapa dimensi nilai. Interaksi antara profil nilai (*value profile*) membentuk corak nilai (*value pattern*) atau diistilahkan sebagai sistem nilai (*value system*).

TEMURAMAH

Responden untuk sesi temubual telah dipilih dikalangan inidividu yang berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing. Mereka merupakan graduan institusi pengajian tinggi dan golongan pentadbir dalam sektor swasta atau kerajaan. Temuramah dijalankan menggunakan soalan yang telah distandardkan bagi kesemua responden. Sesi temubual telah dirakam. Rakaman sesi temubual ini telah dianalisis dan dikodkan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Tema-tema yang diperolehi daripada sesi temubual yang dijalankan dengan para responden ialah nilai kekeluargaan, disiplin pekerjaan, kemahiran berfikir dan nilai keagamaan. Item-item yang dibentuk berdasarkan maklumbalas daripada responden telah disenaraikan dalam satu soal selidik. Soal selidik ini telah diedarkan dalam kalangan pelajar IPTA secara rambang. Sebanyak 25 set soal selidik diedarkan dan 21 set soal selidik telah dipulangkan. Terdapat 2 set soal selidik yang tidak dapat digunakan untuk tujuan analisis. Nilai alpha Cronbach yang diperolehi ialah .937 untuk 211 item. Nilai alpha Cronbach yang diperolehi jika item dikeluarkan ialah minima .90. Berdasarkan dapatan yang diperolehi menunjukkan item yang menunjukkan tingkahlaku negatif mendapat respon tidak setuju dan sangat tidak setuju yang tinggi seperti bagi item 80 (Saya tidak pernah melakukan kesalahan) sebanyak 63.2% dan 122 (Saya suka bertelagah) sebanyak 63.1%. Item yang menunjukkan tingkahlaku positif mendapat respon setuju dan sangat setuju yang tinggi seperti item 87 (Saya akan berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri saya) sebanyak sangat setuju 57.9% dan setuju 42.9%.

KESIMPULAN

Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan tingkahlaku positif dan tidak setuju dengan tingkahlaku negatif. Tiga tema yang terbentuk menunjukkan nilai kekeluarga, disiplin kerja, kemahiran berfikir dan nilai keagamaan sangat penting dalam golongan pelajar dalam IPTA. Ketiga-tiga tema ini dapat dikategorikan mengikut aspek kognitif iaitu kemahiran berfikir, aspek afektif iaitu keagamaan serta kekeluargaan dan aspek psikomotor ialah kemahiran berfikir serta disiplin kerja.

RUJUKAN

- Crebert, Gay.; Bates, Merrelyn.; Bell, Barry.; Patrick, Carol-Joy. & Cragnolini, Vanda. (May 2004). Developing generics skills at university, during work placement and in employment : graduates' perceptions. *Higher Education Research & Development*. 23(2):147-165.
- Eccles, Jacquelynne S. & Wigfield, Allan (2002) Motivational Beliefs, Values and Goals. *Annu. Rev. Psychol.* 53:109-32.
- Gilbert, Rob.; Balatti, Jo.; Turner, Phil. & Whitehouse, Hilary (August 2004). The Generic Skills debate in research higher degrees. *Higher Education Research & Development*. 23(3):375-388.
- Jabnoun, Naceur (2001). Perspectives Values Underlying Continuous Improvement. *The TQM Magazine*. 13(6): 381-387.
- Jenning, Bruce; Nelson & James Lindemann (1996). Values on campus. *Liberal Education*. 82 (1).

- Kearns, P. (2001). Generic Skills for the New Economy. *Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd.*
- Rahimah Haji Ahmad (1998) Educational Development and Reformation in Malaysia: Past, Present and Future. *Journal of Educational Administration.* 36(5): 462-475.
- Reo, Robert A. & Ester, Peter (1999) Value and Work Empirical Findings and Theoretical Perspective. *Applied Psychology: An International Review.* 48(1): 1-21.
- Rodgers, Timothy (2005) Measuring Value Added in Higher Education. Do Any of The Recent Experiences in Secondary Education in The United Kingdom Suggest a Way Forward?. *Quality Assurance in Education.* 13(2):95-106.
- Tait, Hilary & Godfrey, Helen (1999) Defining and Assessing Competence in Generic Skills. *Quality in Higher Education.* 5(3): 245-253.